

[Home](#) / [2025](#) / [May](#) / UiTM Pahang Anjur Program Outreach Perkasa Peranan Kaunselor Sekolah

SDG

05/05/2025 / MUHAMMAD HAFIZ SUHAIMI



JENGA, 15 April – UiTM Cawangan Pahang, Kampus Jengka telah berjaya menganjurkan program UiTM Outreach: Promosi dan Bicara Minda Kaunselor pada 15 April 2025. Program yang berlangsung di Bilik Latihan Staf kampus ini menghimpunkan 30 kaunselor dari daerah Jerantut, Temerloh, dan Maran.

Program yang dianjurkan oleh Jawatankuasa MISI Akademik UiTM Pahang ini dirasmikan oleh Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik (HEA), Prof. Madya Dr. Hajah Nazirah Ramli. Dalam ucapan alu-aluannya, beliau menekankan peranan penting kaunselor dalam membimbing pelajar ke arah pendidikan tinggi yang sesuai.

Pengisian program merangkumi tayangan video korporat UiTM, taklimat kemasukan ke UiTM oleh

Encik Mohd Faizal Azrul Muhamad @ Che Harun, serta pengenalan program akademik oleh ketua pusat pengajian daripada 10 fakulti. Sesi soal jawab interaktif turut diadakan bagi membolehkan kaunselor berinteraksi dengan wakil fakulti.



Inisiatif pertama seumpamanya ini bertujuan memberikan pendedahan mendalam kepada kaunselor mengenai laluan kemasukan, keunikan program akademik, dan peluang di UiTM. Maklum balas positif diterima daripada kaunselor yang menyifatkan maklumat yang diperoleh sangat membantu dalam membimbing pelajar lepasan SPM.

Program ini selaras dengan matlamat Sustainable Development Goals (SDG) UiTM, khususnya SDG 4 (Pendidikan Berkualiti) dan SDG 17 (Kerjasama untuk Matlamat). Ia turut menyumbang kepada pencapaian penunjuk prestasi universiti PI081 dan PI086. Para kaunselor berharap program ini dapat diteruskan di daerah lain bagi memperluas akses kepada maklumat pendidikan berkualiti.

Penulis bersama: Dr. Neni Kartini Che Mohd Ramli, Muhammed Soffiq Saripin, Dr. Nik Muhammad Farhan Hakim Nik Badrul Alam, Muhammad Hafiz Suhaimi, dan Mohamad Risham Jaafar



Tags: [Misi Akademik](#), [UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka](#), [Universiti Teknologi MARA \(UiTM\)](#)

[Lawatan Silaturrahim Manuskrip Melayu di Muzium Manuskrip Al-Quran Melayu Raya, Thailand](#)

[Semangat Kemanusiaan Pelajar UiTM Dengkil Lahirkan Projek Telaga di Kemboja](#)

QUICK LINKS

[Ministry of Higher Education](#)
[Academic Calendar](#)
[Intake Calendar](#)
[Graduate Quick Search](#)
[Library](#)
[UiTM Holdings](#)
[WiFi UiTM](#)
[E-Complaint](#)

HUBUNGI KAMI

[Universiti Teknologi MARA \(UiTM\)](#)
40450 Shah Alam, Selangor
Darul Ehsan
Malaysia
Tel: +603-5544 2051 / 2000



